

Penelitian Semula Rumus Tatabahasa Daripada Perspektif Potensi Pelajar
(*Restructure on Grammatical Rules from A Standpoint of Students' Potential*)

HISHAMUDIN ISAM *, MASHETOH ABD MUTALIB & NORSIMAH MAT AWAL

ABSTRAK

Potensi seseorang individu boleh dibentuk melalui dorongan secara berterusan dan dipimpin. Sebagai ganjaran daripada hasil dorongan yang diusahakan, seseorang individu mampu menggerakkan potensinya untuk mencapai dan menghasilkan sesuatu yang diharapkan. Berteraskan premis tersebut, kertas kerja ini bertujuan menyerlahkan potensi pelajar Tingkatan 6 dalam membincangkan proses peluasan rumus tatabahasa sedia ada, dengan memfokus kepada hasil dapatan daripada kerja menganalisis, mensintesis dan menilai perbandingan rumus baharu dengan rumus sedia ada. Rumus yang dijadikan bahan analisis ialah rumus kata sendi nama *demi* yang didokumenkan dalam *Tatabahasa Dewan* (2014), dan rumus ini disemak semula berdasarkan pengaplikasian analisis bahasa berasaskan data semula jadi (*naturally occurring data*). Bersandarkan kepada kaedah analisis kandungan dalam penyelidikan bahasa, penyelidikan ini telah meneliti dan membincangkan hasil dapatan berkenaan perbandingan perbandingan rumus tatabahasa (sedia ada dan baharu) oleh pelajar melalui dokumen yang mereka sediakan. Hasil analisis menunjukkan bahawa, pelajar mampu menyerlahkan potensi dalam membincangkan proses peluasan rumus kata sendi nama *demi*. Tiga (3) rumus sedia ada berkaitan kata sendi nama *demi* diyakini boleh meluas, dengan setiap satu (1) daripada rumus tersebut menunjukkan gejala peluasan yang sangat menarik untuk dibincangkan. Selain dapat membuktikan bahawa, potensi seseorang individu mampu digerakkan untuk mencapai dan menghasilkan sesuatu yang diharapkan, dapatan ini juga dapat membuktikan bahawa, bahasa ialah sesuatu yang sentiasa berkembang, berubah-ubah, hidup, luwes dan dinamik iaitu berubah mengikut peredaran waktu dan berkembang mengikut kesesuaian zaman.

Kata kunci: potensi, pelajar, rumus tatabahasa, kata sendi nama *demi*, data semula jadi

ABSTRACT

*An individual's potential may be motivated through constant and firm guidance. As a result of the exerted effort, a person can enhance his potential to achieve or produce what he aims for. Grounding in the aforesaid premise, this paper intends to enhance the potential of Form 6 students pertinent to the discussion on expanding the existing grammatical rules by focusing on the results of analysing, synthesising, and evaluating the comparison between the new and existing rules. The analysis was centred on the documented rules of the preposition *demi* in *Tatabahasa Dewan* (2014), and the rules were re-evaluated based on the application of linguistic analysis of naturally occurring data. Based on the content analysis method in language research, this research has examined and discussed the findings on comparative discussions of grammar (pre-existing and new) formulas by students through the documents they provide. The analysis showed that the students were able to enhance their potential in discussing the process of expanding the rules of the preposition *demi*. Three (3) existing rules related to the preposition *demi* were deemed expandable, by which each (1) of the rules showed fascinating expandable indicators to look into. Apart from validating that a person's potential can be enhanced to achieve what is intended, the findings can also confirm that language is always developing, evolving, alive, flexible and dynamic in accordance with the march of time.*

*Keywords: potential, students, grammatical rules, preposition *demi*, naturally occurring data*

PENGENALAN

Potensi ialah suatu bentuk kemampuan untuk mencapai dan menghasilkan sesuatu yang diharapkan. Bentuk kemampuan tersebut boleh disesuaikan, berdasarkan cara atau kaedah bagaimana sesuatu proses dilakukan atau dilaksanakan. Dalam dunia psikologi, setiap insan dianggap berpotensi untuk melakukan sesuatu, apatah lagi sekiranya didorong oleh faktor-faktor tertentu yang mampu menjadi daya penolak atau penarik insan tersebut untuk melakukannya (Sedikides, Gaertner, Luke, O'Mara, & Gebauer 2013). Dalam bidang pendidikan pula, Kostromina, Bordovskaia, Rosum, Moskvicheva, dan Iskra (2014) mengatakan bahawa guru yang mampu menjadi inspirasi kepada pelajar ialah guru yang mampu mencungkil potensi pelajarnya untuk bergerak mencapai matlamat dalam pendidikan. Keadaan ini membuktikan bahawa, siapapun pelajar kita atau bagaimana sekalipun tahap kecergasan intelektual (*intelligence quotient (IQ)*) pelajar kita, sekiranya didorong oleh faktor-faktor tertentu yang dapat menjadi daya penolak atau penarik kepada matlamat dalam menuntut ilmu, maka pelajar-pelajar tersebut mampu menyerlahkan potensi sebenar mereka dalam pelajaran (Kostromina 2012).

Pengajaran dan pembelajaran tatabahasa sesuatu bahasa misalnya, sering dianggap antara proses yang paling sukar kerana bahan yang dipelajari adalah sesuatu yang bersifat 'kering' (Abdu Mohammed Al-Mekhlafi, & Ramani Perur Nagaratnam 2011). Dalam erti kata lain, bahan tersebut (bahasa) walaupun nyata ada, tetapi tidak dapat disentuh dan digunakan dalam bentuk fizikal. Keadaan ini ditambah lagi dengan tatacara proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa itu sendiri yang lazimnya hanya melalui kaedah konvensional, iaitu hafalan rumus-rumus yang tetap peraturannya, yang jauh pula perbezaannya dengan bahasa yang sering dituturkan (Jean & Simard 2011). Menurut Hawkey (2006), tanpa dorongan daripada guru, atau tanpa sokongan dari aspek teknikal yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang memberangsangkan, maka pengajaran dan pembelajaran tatabahasa sesuatu bahasa tentukan akan membosankan dan gagal menarik perhatian pelajar. Dalam konteks ini, peranan seorang guru bahasa amat penting untuk menjentik minat pelajar, sekaligus menggilap potensi mereka untuk mempelajari bahasa, khususnya berkaitan aspek tatabahasa.

BAHASA DAN RUMUS TATABAHASA

Secara fitrahnya, prinsip dan hakikat bahasa ialah

sesuatu yang sentiasa berkembang, berubah-ubah, hidup, luwes dan dinamik, iaitu berubah mengikut peredaran waktu dan berkembang mengikut kesesuaian zaman (Antonakos, Lapp, Lapp, & Andersontanda 1997). Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak terpakai dalam semua keadaan bagi sesuatu bahasa, misalnya berkaitan aspek tatabahasa. Menurut Bybee (2006), sesuatu rumus tatabahasa yang telah didokumentasikan, biasanya dianggap sudah mantap kerana telah diuji merentas masa dan keadaan, sama ada melalui proses introspeksi, kaji selidik atau pemerhatian. Oleh hal yang demikian, terdapat rumus tatabahasa yang tidak pernah disemak semula kerana beranggapan bahawa rumus tersebut telah sedia mantap dan sesuai dalam semua keadaan. Sebagai contoh, hampir kesemua rumus tatabahasa yang didokumenkan dalam *Tatabahasa Dewan* edisi pertama (1986), masih tidak berubah sehingga kepada penerbitan *Tatabahasa Dewan* edisi terkini (2014).

Kata sendi nama *demi* misalnya, adalah contoh rumus tatabahasa yang tidak pernah disemak sehingga kini. *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim *et al.* 2014: 277 - 278) menetapkan rumus tersebut adalah seperti berikut:

- i. bertugas membawa makna tujuan (dan digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama) – contoh: Rakyat Malaysia mesti bersatu padu *demi* kestabilan negara.
- ii. digunakan sebagai unsur penegas dalam ungkapan, dan juga – contoh: *Demi* Allah, aku tidak akan mengulangi perbuatan terkutuk itu.
- iii. digunakan dalam ungkapan untuk melahirkan makna urutan satu atau sekumpulan – contoh: Buku itu disusun di atas meja satu *demi* satu.

Sebagai tambahan, *Tatabahasa Dewan* (2014: 277) turut mencatatkan, penggunaan gabungan *demi untuk* yang membawa maksud tujuan boleh dianggap lewah dan satu daripada kata tersebut seharusnya digugurkan.

Berdasarkan paparan ini, ada dua hal yang boleh dibincangkan iaitu, yang pertama, rumus tersebut boleh dianggap sangat umum kerana tidak disertakan dengan penjelasan secara rinci. Contohnya, untuk rumus pertama, adakah rumus tersebut hanya boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama sahaja? Bagaimana pula dengan kata kerja atau kata adjektif? Keduanya pula ialah, contoh penggunaan kata yang disertakan agak terhad dan boleh menimbulkan persoalan berbangkit. Contohnya, untuk rumus kedua, adakah unsur penegas tersebut hanya boleh disandarkan kepada Tuhan semata-mata? Bagaimana pula jika disandarkan kepada sesuatu yang lain? Persoalan-persoalan ini boleh dijawab sekiranya proses

pengajaran dan pembelajaran tatabahasa tidak hanya melalui kaedah konvensional dengan hanya menghafal rumus-rumus yang tetap peraturannya, seperti yang diperkatakan oleh Jean dan Simard (2011), sebaliknya didedahkan juga kepada pelajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan mereka dengan bahasa yang nyata ada, dan bahasa yang dituturkan oleh penggunanya. Dapatan hasil daripada pembelajaran tersebut boleh digunakan oleh pelajar untuk membandingkan rumus sedia ada dengan rumus baharu yang mereka sendiri selidiki, untuk membolehkan mereka menyedari hakikat bahawa bahasa ialah sesuatu yang sentiasa berkembang, berubah-ubah, hidup, luwes dan dinamik iaitu berubah mengikut peredaran waktu dan berkembang mengikut kesesuaian zaman. Sehubungan itu, kertas kerja ini bertujuan meneliti dan membincangkan potensi pelajar kesan proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa, dengan mengkhusus kepada dapatan hasil pemerhatian mereka terhadap perbandingan rumus sedia ada dan rumus baharu yang boleh dicadangkan bagi kata sendi nama *demi*. Dalam konteks ini, perbincangan berkaitan potensi pelajar merujuk kepada tindakan pelajar dalam usaha untuk memahami peraturan sesuatu bahasa, dengan cara menjalankan kajian lanjutan terhadap peluasan sesuatu rumus tatabahasa.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Dalam usaha menjantik minat pelajar, sekaligus menggilap potensi mereka untuk mempelajari bahasa, khususnya berkaitan aspek tatabahasa, tatacara dan kaedah yang digunakan oleh seseorang guru perlulah tepat dan sesuai. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, satu usaha penyelidikan telah dijalankan dengan memfokus kepada maklumat yang diperolehi daripada laporan pelajar. Bersandarkan kepada kaedah analisis kandungan dalam penyelidikan bahasa oleh Neuendorf (2016), penyelidikan ini telah meneliti dan membincangkan hasil dapatan berkenaan perbincangan perbandingan rumus tatabahasa (sedia ada dan baharu) oleh pelajar melalui dokumen yang mereka sediakan, selepas selesai proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa yang disampaikan oleh guru mereka sendiri. Asas kepada pemilihan data dokumen tersebut dibuat berdasarkan kriteria penelitian selepas sesuatu kaedah demonstrasi (semasa proses pengajaran dan pembelajaran) dijalankan (Adekoya, & Olatoye 2011; Hackathorna, Solomon, Blankmeyer, Tennial, & Garczynski 2011; Abdulhamid Auwal 2013).

Penyelidikan dijalankan di sebuah sekolah menengah terpilih di daerah Kota Setar (Kedah), dengan

menjadikan satu kelas Tingkatan 6 rendah dengan 22 orang pelajar pelbagai bangsa sebagai responden. Proses pengajaran dan pembelajaran waktu anjal yang memakan masa selama 80 minit dikhususkan kepada aktiviti membanding rumus sedia ada bagi kata sendi nama *demi* yang terdapat dalam buku *Tatabahasa Dewan* dengan rumus baharu yang boleh dicadangkan, dengan bersandarkan kepada data korpus. Pemilihan data korpus yang dianggap sebagai data semula jadi sesuatu bahasa (*naturally occurring data of a language*) dibuat bersandarkan kepada prinsipnya yang berada dalam himpunan yang banyak, diperlukan dan memadai (*necessary and sufficient*) untuk tujuan kajian dan penyelidikan bahasa (Lazaraton 2002; O'keefee, Clancy, & Adolphs 2011; Clark 2013; Zhang 2015; Sian Preece 2016).

Pada suku masa pertama, pelajar didedahkan dengan rumus kata sendi nama *demi* yang terdapat dalam buku *Tatabahasa Dewan*. Selepas itu, pelajar diperkenalkan pula dengan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (Pusat Rujukan Persuratan Melayu 2017) di bawah subkorpus buku. Pelajar diminta untuk meneliti penggunaan rumus kata sendi nama *demi* (berjumlah 5 000 kekerapan kata) dengan tumpuan kepada mencari, menganalisis, mensintesis dan menilai dapatan baharu yang sama dengan rumus sedia ada, dan yang berlawanan dengan rumus sedia ada tersebut. Bagi setiap rumus yang berlawanan dengan rumus sedia ada, pelajar diminta untuk menghurai secara empirikal berkenaan penjelasan-penjelasan munasabah yang boleh dijangkakan daripada dapatan tersebut. Dokumen yang disediakan oleh pelajar yang dijadikan data dalam kajian ini termasuklah senarai contoh ayat dari penggunaan rumus kata sendi nama *demi* yang berlawanan dengan rumus sedia ada, senarai jadual perbandingan rumus sedia ada dan rumus cadangan baharu, serta penjelasan empirikal berserta bukti leksikal bagi setiap rumus baharu yang dicadangkan.


HASIL DAN PERBINCANGAN

Potensi pelajar telah berjaya dicungkil dalam mengutarakan peluasan rumus kata sendi nama *demi*, menerusi kaedah penyelidikan yang dijalankan. Hasil analisis menunjukkan, pelajar berjaya menjelaskan bahawa setiap satu rumus sedia ada berkaitan kata sendi nama *demi* yang telah didokumenkan dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim *et al.* 2014), telah meluas penggunaannya sehingga mempengaruhi bentuk dan pola rumus tersebut, yang menarik untuk dibincangkan. Berikut disertakan perbincangan berkaitan peluasan ketiga-tiga rumus kata sendi nama

demi menerusi analisis bahasa berasaskan data semula jadi (*naturally occurring data*).

Rumus 1 – Bertugas Membawa Makna Tujuan
(Digunakan Di Hadapan Kata Nama Atau Frasa Nama)


Berdasarkan contoh yang dikemukakan dalam buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah Karim *et al.* 2014: 277), rumus ini terbentuk melalui hubungan kolokasi kata sendi nama ****demi**** dengan kata nama atau frasa nama terbitan yang berimbuhan apitan *ke ... an* (*ke* + kata adjektif + *an*). Makna tujuan yang diserlahkan, tidak dihalakan secara spesifik kepada penerima (X), sebaliknya ditujukan kepada bentuk atau jenis tujuan yang diharapkan oleh si penerima (X). Misalnya dalam ayat 1, *demi* berkolokasi dengan imbuhan apitan *ke ... an* yang menyerlahkan sifat sihat (kata adjektif) untuk membentuk rumus *demi* + (*ke* + *sihat* + *an*) = bayi. Makna tujuan tidak dihalakan terus kepada penerima atau X (bayi), sebaliknya ditujukan kepada bentuk atau jenis tujuan yang diharapkan oleh X (bayi) iaitu kesihatan atau dalam erti kata lain, prinsipnya ialah *demi* + tujuan (contoh: kesihatan) = kepada siapa (contoh: bayi). Rumus tersebut boleh dibaca seperti ini:



JADUAL 1. Rumus 1 dan Peluasannya.

Contoh Penggunaan Mengikut Rumus	Contoh Peluasan Rumus
1. Kebanyakan ibu yang mengandung sebenarnya perlu mengambil makanan yang berkhasiat *** <i>demi</i> *** kesihatan bayi yang dikandung. [DBP/B98]	1. Dalam erti kata lain, segalanya dilakukan *** <i>demi</i> *** bangsa dan negara. [DBP/B380]
2. "Harapan saya pada wanita agar generasi baru yang akan mengambil tempat dalam masyarakat akan berperanan sebagai penggerak, seterusnya *** <i>demi</i> *** kemajuan wanita. [DBP/M411]	2. Harap mendapat pertimbangan yang wajar dari pihak berkenaan *** <i>demi</i> *** anak didik dan profesion perguruan itu sendiri. [DBP/A1021]
3. Muhamad ... memegang falsafah untuk membantu orang yang memerlukan pembelaan *** <i>demi</i> *** <i>keselesaian</i> anak guamnya. [DBP/M619]	3. Mereka bersedia melaburkan sejumlah kos agak lumayan nilainya *** <i>demi</i> *** wanita ini. [DBP/M436]
4. Kita berharap cadangan ini dilaksanakan secepat mungkin, *** <i>demi</i> *** <i>kesejahteraan</i> anak-anak kita dan untuk masa dan masyarakat ... [DBP/A95]	4. Semuanya *** <i>demi</i> *** keluarga terutamanya dua anak kesayangan mereka. [DBP/B801]
5. beberapa buah negara telah cuba mengolah kadar pertukaran *** <i>demi</i> *** <i>kepentingan</i> objektif dalam negeri. [DBP/A115]	5. Sejak itu saya berazam memperbanyakkan ilmu dalam diri *** <i>demi</i> *** anak," katanya. [DBP/M218]

Hasil selisikan pelajar yang menggunakan analisis bahasa berasaskan data semula jadi menunjukkan, rumus ini boleh diperluas dengan penjelasan yang menarik untuk dibincangkan. Pelajar telah menemukan beberapa contoh ayat yang menggunakan kata sendi nama *demi* yang masih mendukung makna tujuan, tetapi fokusnya sudah meluas kepada makna yang lebih spesifik iaitu 'tujuan memberi kepentingan kepada X'. Rumus peluasan makna ini dapat dikesan apabila kata sendi nama *demi* berkolokasi dengan kata nama (tunggal, bukan terbitan) atau frasa nama yang menunjukkan situasi memberi kelebihan kepada rujukan kata nama atau frasa nama bagi X yang terlibat, dan bukannya kepada kata nama terbitan seperti dalam rumus sedia ada. Sebagai contoh, ayat 6 (dalam Jadual 1) misalnya menjelaskan bahawa, kata sendi nama *demi* berkolokasi terus dengan penerima tujuan (X) iaitu *bangsa dan negara*. Rumus tersebut secara mudah dapat dibaca seperti berikut:



Perbandingan bagi kedua-dua contoh ayat yang menggambarkan rumus sedia ada dan rumus peluasan berkaitan rumus pertama bagi kata sendi nama *demi* dapat diperlihatkan dalam Jadual 1 di bawah.

Rumus 2 – Digunakan Sebagai Unsur Penegas

Tatabahasa Dewan (2014: 277) juga menjelaskan bahawa, kata sendi nama ****demi**** boleh digunakan sebagai unsur penegas, dan contoh yang diberi menunjukkan kata sendi tersebut berkolokasi dengan kata nama yang merujuk Tuhan iaitu “*Demi Allah. Aku tidak akan mengulangi perbuatan terkutuk itu.* Melalui rumus ini, pelajar dapat memahami bahawa hubungan kolokasi yang terjadi akan menzahirkan unsur penegasan (kepada diri pelaku - *aku*) sehingga mendorong pelaku melakukan sesuatu atau pembuktian terjadinya sesuatu penegasan (*aku tidak akan mengulangi perbuatan terkutuk*). Contoh ini memberi gambaran bahawa, entiti yang perlu disandarkan untuk menyerlahkan unsur penegasan pelaku tentulah sesuatu yang besar dan kuat, iaitu Tuhan. Dalam erti kata lain, hubungan kolokasi ini menterjemahkan ikrar sumpah pelaku. Contoh ayat yang menggambarkan rumus ini sangat mudah diperoleh melalui data semula jadi. Misalnya unsur penegas (ikrar sumpah pelaku) dalam kolokasi *demi + Allah* (contoh ayat 11) terserlah apabila pelaku terdorong melakukan sesuatu (*akan memerangi*).

Dalam keadaan tertentu yang lain, wujud kemungkinan kata sendi nama *demi* boleh menjadi unsur penegas kepada suatu keadaan kerja yang memerlukan keupayaan yang tinggi. Sebagai contoh, dalam ayat 16 (dalam Jadual 2), perbuatan *menjadi* adalah contoh kata kerja dengan imbuhan awalan *meN-* yang memerlukan daya usaha yang tinggi untuk melaksanakannya, kerana usaha *menjadi* dihubungkan dengan frasa *insan berguna*. Hubungan kolokasi *demi + menjadi + insan berguna* membuktikan bahawa kata sendi nama *demi* boleh menjadi unsur penegas kepada suatu keadaan kerja yang memerlukan keupayaan yang tinggi. Hal ini demikian kerana, bukanlah sesuatu yang mudah untuk *+ menjadi + insan berguna* sekiranya tidak dimulakan dengan keupayaan yang tinggi, dan keupayaan yang tinggi memerlukan suatu daya penegas yang juga semestinya tinggi.

Namun, rumus ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam *Tatabahasa Dewan* (2014:277) semasa memperinci rumus kata sendi nama *demi* kerana rumus tersebut telah menetapkan bahawa penggunaan kata sendi nama *demi* perlu digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk membentuk rumus yang tepat. Sedangkan pada halaman 518 (*Tatabahasa Dewan* 2014) ada dinyatakan bahasa *demi* serta *untuk* dan *bagi* boleh berfungsi sebagai kata hubungan keterangan tujuan, dengan rumus *demi + kata kerja*. Bagi menghurai permasalahan tersebut, dengan bimbingan guru, pelajar dapat menjelaskan bahawa kata *demi* dalam

contoh ayat yang diberikan, boleh diganti dengan kata *untuk* yang mampu mendukung makna yang sama, iaitu membawa maksud tujuan. Keadaan ini dijelaskan sebagai rumus tambahan oleh *Tatabahasa Dewan* (2014: 277) iaitu penggunaan gabungan *demi untuk* yang membawa maksud tujuan boleh dianggap lewah dan satu daripada kata tersebut seharusnya digugurkan. Walaupun dalam kes tersebut, gabungan *demi untuk* dirujuk sebagai syarat membawa maksud tujuan, namun ia juga boleh diaplikasi dalam keadaan yang sama dengan syarat rumus ini iaitu sebagai unsur penegas, kerana pada dasar konteksnya, penegas dirujuk sebagai suatu sandaran kepada sesuatu yang bersifat tinggi dan besar. Dalam hal ini, kata *demi* atau *untuk* boleh membawa maksud tujuan yang berfungsi sebagai penegas kepada suatu keadaan keupayaan yang tinggi. Oleh hal yang demikian, melalui penjelasan ini, maka rumus kata sendi nama *demi + kata kerja* boleh diterima pakai dan perlu diterangkan juga semasa menjelaskan rumus kata sendi nama *demi* dalam halaman 277, yang membawa makna penegas bagi menerangkan tujuan. Perbandingan bagi kedua-dua contoh ayat yang menggambarkan rumus sedia ada dan rumus peluasan berkaitan rumus kedua bagi kata sendi nama *demi* dapat diperlihatkan dalam Jadual 2.

Rumus 3 – Digunakan Untuk Melahirkan Urutan Satu Atau Sekumpulan

Ayat 21 hingga 25 dalam Jadual 3 pula adalah contoh ayat yang menjelaskan rumus ketiga bagi kata sendi nama *demi* yang digunakan untuk melahirkan urutan satu atau sekumpulan, seperti mana yang dicatatkan dalam *Tatabahasa Dewan* (2014: 278). Penanda urutan bagi rumus ini mudah dikenal pasti kerana berlakunya pengulangan bagi kata yang dituruti sama ada dalam bentuk turutan satu (dan seterusnya) atau dalam bentuk sekumpulan, sehingga kedua-duanya (turutan satu atau berkumpulan) akan menghasilkan jumlah bilangan yang menaik (semakin banyak).

Analisis bahasa berasaskan data semula jadi (*naturally occurring data*) telah membantu pelajar untuk menemukan beberapa contoh ayat yang masih membawa makna urutan satu atau sekumpulan unsur perbilangan yang menaik atau meningkat (contoh ayat 26 - 30). Walau bagaimanapun, fokus urutan tersebut telah berubah daripada hanya berkisar mengenai urutan satu atau sekumpulan, kepada urutan masa dan peristiwa.

JADUAL 2. Rumus 2 dan Peluasannya.

Contoh Penggunaan Mengikut Rumus	Contoh Peluasan Rumus
1. Berkenaan hal ini, Abu Bakar al-Siddiq berkata: " ***Demi*** Allah aku akan memerangi mereka yang membezakan di ... [DBP/B327]	1. Umum mengetahui, penubuhan pusat serenti sebenarnya bagi merawat dan memulihkan penagih agar kembali ke landasan sebenar ***demi*** menjadi insan berguna. [DBP/M215]
2. Kata Ali bin Al-Hussain: " ***Demi*** Allah, jika engkau tidak termasuk dalam ayat itu ... [DBP/B712]	2. Selain itu, pemeriksaan terhadap bapa juga adalah digalakkan ***demi*** menjamin keselamatan bersama. [DBP/M229]
3. Rasulullah bersabda bermaksud: " ***Demi*** Allah, akulah manusia yang paling takutkan Allah dan ... [DBP/M147]	3. PKN juga dapat menyemai semula susila anak bangsa kita yang kian merimbun dengan timbunan noda ***demi*** menjernihkan semula jiwa mereka. [DBP/B1207]
4. ***Demi Allah***, minatku sangat besar terhadap Fatimah dan tidak ... [DBP/A963]	4. ... melalui kerjasama dan bermusyawarah dalam menghadapi pelbagai masalah ***demi*** membina masyarakat saling menghormati dan berganding bahu membangunkan ... [DBP/M9]
5. ... sudah masuk kepada agama Muhammad?" Jawab Ummu Syuraik, " ***Demi*** Allah aku sudah masuk agama Muhammad." [DBP/A969]	5. ... tidak berpihak dapat memberikan keadilan sepenuhnya kepada rakyat ***demi*** mewujudkan keharmonian masyarakat. [DBP/B23]

Hal ini dapat dibuktikan daripada kategori dan jenis kata yang sering berkolokasi dengan kata sendi nama *demi* yang menjelaskan urutan masa dan peristiwa. Contoh penggunaan kata sendi nama *demi* yang menjelaskan urutan masa dapat diperhatikan melalui hubungan kolokasi kata sendi nama *demi* dengan lexis yang memperlihatkan unsur masa seperti *hari* dan *bulan* (contoh 26 dan 27), manakala contoh penggunaan kata sendi nama *demi* yang menjelaskan urutan peristiwa dapat diperhatikan melalui hubungan kolokasi kata sendi nama *demi* dengan lexis yang memperlihatkan unsur peristiwa seperti *pembaharuan*, *ujian* dan *resolusi* (contoh 28, 29 dan 30). Bukti-bukti lexis yang dipaparkan menjadi petanda jelas bagi pelajar bahawa rumus kata sendi nama *demi* yang hanya menzahirkan urutan satu atau sekumpulan, boleh diperluas kepada penzahiran urutan masa dan peristiwa.

Sebagai rumusan, setelah menelusuri dapatan daripada pelajar, maka dapat dibuat satu andaian bahawa, potensi pelajar boleh dicungkil jika guru dapat memanfaatkan proses pengajaran dan pembelajaran sebaiknya. Buktinya, pelajar telah

berjaya mengutarakan peluasan rumus kata sendi nama *demi*, menerusi kaedah penyelidikan yang dijalankan. Sebagai pelengkap kepada dokumen yang dihasilkan, pelajar telah mengutarakan cadangan penstrukturan semula rumus kata sendi nama *demi*, iaitu:

- a. bertugas membawa makna tujuan (dan digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama) yang menyerlahkan jenis tujuan, dan kepada siapa tujuan tersebut ditujukan.

Contoh:

- i. Jenis tujuan - Rakyat Malaysia mesti bersatu padu *demi* kestabilan negara
- ii. Kepada siapa tujuan tersebut ditujukan – Dia melalukannya *demi* anak yang disayangi.
- b. digunakan sebagai unsur penegas dalam ungkapan, yang disandarkan kepada sesuatu yang paling tinggi (misalnya *demi* Tuhan, atau dalam konteks tertentu boleh disandarkan kepada sesuatu yang berbentuk konkrit seperti *demi raja*, *demi negara*, dll) dan suatu usaha yang paling tinggi (di hadapan kata kerja, *demi* boleh digantikan dengan kata *untuk*).

Contoh:

- i. Penegas – disandarkan kepada yang paling tinggi (Tuhan) - *Demi* Allah, aku tidak akan mengulangi perbuatan terkutuk itu.

JADUAL 3. Rumus 3 dan Peluasannya.

Contoh Penggunaan Mengikut Rumus	Contoh Peluasan Rumus
1. ... Umno akan kosong bila ramai ahli atau seorang ***demi*** seorang akan meninggalkan Umno untuk menyertai PAS untuk ... [DBP/A1115]	1. ... ini juga mengalami kemerosotan dan kerugian dari hari ***demi*** hari. [DBP/A70]
2. Semua arahan berasaskan web dan mudah diikuti langkah ***demi*** langkah. [DBP/B1051]	2. Saya perhatikan kawasan tanamannya semakin luas, bulan ***demi*** bulan membayangkan kemajuan perniagaan mereka [DBP/A618]
3. Kita patahkan strategi halus penjajahan seinci ***demi*** seinci tanah air mereka [DBP/A1047]	3. Banyak artis yang kecundang apabila cuba menonjolkan pembaharuan ***demi*** pembaharuan di dalam album terbaru mereka. [DBP/A68]
4. ... terdahulu daripada kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta ***demi*** sehasta sehingga jika mereka masuk ke dalam lubang. [DBP/M971]	4. ... dengan berzikir dan bertahmid ketika berhadapan dengan ujian ***demi*** ujian di sepanjang mengerjakan ibadat haji. [DBP/A72]
5. ... kembali merujuk dan mencari konteks di antara bab ***demi*** bab. [DBP/B1659]	5. Tidak ada salahnya mengarang resolusi ***demi*** resolusi. [DBP/A117]

ii. Penegas untuk keterangan tujuan – disandarkan kepada sesuatu usaha yang paling tinggi – Usaha itu digalakkan *demi* menjamin keselamatan bersama (*demi* boleh digantikan dengan *untuk*).

c. digunakan dalam ungkapan untuk melahirkan makna urutan satu atau sekumpulan, bagi sesuatu masa dan peristiwa

Contoh:

- i. Urutan satu atau sekumpulan - Buku itu disusun di atas meja satu *demi* satu.
- ii. Urutan masa dan peristiwa - Pemain berguling di atas padang untuk minit *demi* minit. / Kejayaan *demi* kejayaan yang dialami di peringkat antarabangsa amat membanggakan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa, pelajar yang dipimpin secara berterusan untuk mengelola, mengklasifikasi dan menghurai bahasa berasaskan data semula jadi yang benar kewujudannya dan bukan direka-reka, mampu menyerlahkan potensi yang diharapkan dalam mempelajari sesuatu bahasa. Hasil analisis menunjukkan bahawa, pelajar berupaya menyerlahkan potensi dalam membincangkan proses peluasan rumus kata sendi nama *demi*. Tiga (3) rumus sedia ada berkaitan kata sendi nama *demi* diyakini

boleh meluas, dengan setiap satu (1) daripada rumus tersebut menunjukkan gejala peluasan yang sangat menarik untuk dibincangkan.

Menerusi kajian ini, sekurang-kurangnya satu potensi yang terzahir oleh pelajar berjaya dicungkil, iaitu potensi dalam tindakan berkaitan usaha untuk memahami peraturan sesuatu bahasa, dengan cara menjalankan kajian lanjutan terhadap peluasan sesuatu rumus tatabahasa. Melalui potensi ini, diharap akan ada potensi lanjutan yang berjaya pula dicungkil berkaitan kemampuan pelajar menunjukkan potensi dalam melahirkan kemahiran berbahasa yang lebih trampil, iaitu usaha menggunakan atau mempraktikkan rumus tatabahasa yang dipelajari dalam penulisan atau ujaran lisan. Selain dapat membuktikan bahawa, potensi seseorang individu mampu digerakkan untuk mencapai dan menghasilkan sesuatu yang diharapkan, dapatan ini juga dapat membuktikan bahawa, bahasa ialah sesuatu yang sentiasa berkembang, berubah-ubah, hidup, luwes dan dinamik iaitu berubah mengikut peredaran waktu dan berkembang mengikut kesesuaian zaman.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran RAGS Universiti Utara Malaysia dengan kod S/O 12720

RUJUKAN

- Abdulhamid Auwal. 2013. Effects of teaching method on retention of Agricultural Science knowledge in senior secondary schools of Bauchi Local Government Area, Nigeria. *International Journal of Science and Technology Educational Research*, Vol. 4 (4), 63-69.
- Abdu Mohammed Al-Mekhlafi, & Ramani Perur Nagaratnam. 2011. Difficulties in teaching and learning grammar in an EFL context. *International Journal of Instruction*, 4 (2), 69 – 92.
- Adekoya, Y. M., & Olatoye, R. A. 2011. Effect of demonstration, peer-tutoring, and lecture teaching strategies on senior secondary school students' achievement in an aspect of agricultural science. *The Pacific Journal of Science and Technology*, vol. 12 (1), 320 – 332.
- Antonakos, J. L., Lapp, D., Lapp, D. K., & Anderson, P. S. 1997. *Language skills in elementary education (4th ed.)* New York: Macmillan Publishing Co. Inc.
- Bybee, J. 2006. From usage to grammar: The mind's response to repetition. *Language*, 82 (4), 711-733.
- Clark, U. 2013. *Language and identity in Englishes*. New York: Routledge.
- Hackathorna, J., Solomon, E. D., Blankmeyer, K. L., Tennial, R. E., & Garczynski, A. M. 2011. Learning by doing: An empirical study of active teaching techniques. *The Journal of Effective Teaching*, Vol. 11 (2), 2011, 40-54.
- Hawkey, R. 2006. Teacher and learner perceptions of language learning activities. *ELT Journal*, 60, 242–252.
- Jean, G., & Simard, D. 2011. Grammar Teaching and Learning in L2: Necessary, but Boring? *Foreign Language Annals*, 44 (3), 467 – 494.
- Kostromina, S. N. 2012. Psychological factors of self-organization academic activity of students. *Journal of International Scientific Publications: Educational Alternatives*, 10 (2), 187–196.
- Kostromina, S. N., Bordovskaia, N. V., Rosum, S. I., Moskvicheva, N. L., & Iskra, N. N. 2014. Research potential and cognitive features of students. *Psychology in Russia: State of the Art*, 7 (4), 122-136.
- Lazaraton, A. 2002. *A quantitative approach to the validation of oral language tests*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Neuendorf, K. A. 2016. *The content analysis guidebook (2nd ed.)*. Cleveland: SAGE Publication.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. 2014. *Tatabahasa Dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- O'keefee, A., Clancy, B., & Adolphs, S. 2011. *Introducing pragmatics in use*. London: Routledge.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka. 2017. Analisis kata bahasa Melayu. From <http://prpm.dbp.gov.my/>. Retrieved February 13, 2017
- Sedikides, C., Gaertner, L., Luke, M. A., O'Mara, E. M., & Gebauer, J. E. 2013. A three-tier hierarchy of self-potency: Individual self, relational self, collective self. In M. Zanna, & J. Olson, *Advances in experimental social psychology*, 48, 1st ed. (pp. 236-295). San Diego: Academic Press.
- Sian Preece (Ed.). 2016. *The routledge handbook of language and identity*. London: Routledge.
- Zhang, G. Q. 2015. *Elastic language: How and why we stretch our words*. Cambridge: Cambridge University Press.

Hishamudin Isam * dan Mashetoh Abd Mutalib
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah,
Kolej Sastera Dan Sains, Universiti Utara Malaysia,
06010, Sintok Kedah

Norsimah Mat Awal
Pusat Pengajian Bahasa Dan Linguistik,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: din@uum.edu.my

Diserahkan: 25 November 2018
Diterima: 29 November 2018